

16 OCT 2003

Mahathir-OIC/I

DUNIA ISLAM DIGESA GUNA KEKUATAN DAN PERPADUAN HADAPI CABARAN

PUTRAJAYA, 16 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menetapkan hala tuju perhimpunan terbesar negara-negara Islam di sini hari ini dengan gesaan bagi mereka menggunakan kekuatan dan merapatkan barisan dalam menangani isu-isu yang dihadapi umat Islam di seluruh dunia.

Perdana Menteri berkata dengan 1.3 bilion penduduk, negara-negara Islam sebenarnya kuat, tetapi mereka tidak pernah bersungguh untuk cuba bersatu dan bekerjasama.

"Kita semuanya Islam. Kita semua ditindas. (dan) kita semua sedang diaibkan," katanya dalam ucapan pembukaan pada Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) ke-10 di Pusat Konvensyen Putrajaya (PCC), sebuah kompleks persidangan terbaru Malaysia.

Sidang kemuncak ini, yang pertama diadakan di rantau Asia Pasifik, menarik jumlah terbesar kehadiran pemimpin Islam seramai 33 orang daripada 57 anggota, sejak penubuhan OIC pada 1969. Negara anggota lain menghantar wakil masing-masing.

Diadakan tiga tahun sekali, ia juga merupakan perhimpunan pertama para pemimpin Islam sejak serangan pengganas pada 11 Sept 2001, terhadap Amerika Syarikat.

Selain para pemimpin Islam dari Asia Barat, Afrika, Asia dan Pasifik, Presiden Rusia Vladimir Putin dan Presiden Filipina Gloria Arroyo adalah antara mereka yang hadir pada majlis perasmian yang diadakan di sini, di pusat pentadbiran Persekutuan Malaysia yang baru.

Dr Mahathir berkata ia akan menjadi sia-sia bagi negara Islam hanya untuk mengutuk pengkritik dan penindas mereka kerana perkara itu tidak akan mengubah sikap mereka.

"Sekiranya kita mahu mengembalikan maruah kita dan Islam, agama kita, kita sendiri yang perlu membuat keputusan, kita sendiri yang perlu bertindak," katanya pada perhimpunan yang dihadiri Raja-raja, Presiden dan Perdana Menteri itu.

Negara Islam mempunyai banyak kekayaan dan simpanan minyak terbesar di dunia, kata Perdana Menteri dan mereka menguasai 57 daripada 180 negara di dunia.

"Undi kita boleh menentukan jatuh bangunnya pertubuhan-pertubuhan antarabangsa. Namun kita seolah lebih tidak berdaya berbanding sebilangan kecil masyarakat Jahiliah yang memeluk Islam dan menerima Rasullullah s.a.w. sebagai pemimpin mereka.

"Kita sebenarnya amat kuat. 1.3 bilion penduduk bukannya mudah untuk dihapuskan. Orang Eropah membunuh 6 juta daripada 12 juta orang Yahudi. Tetapi, pada hari ini kaum Yahudi memerintah dunia secara proksi. Mereka menggunakan orang lain untuk berjuang dan mengorbankan nyawa bagi mereka."

Dr Mahathir berkata penyatuan 1.3 penduduk Islam bukan sesuatu yang mustahil dan bagi menggabungkan semua kerajaan Islam untuk bertindak dengan satu nada.

"Tetapi walaupun kita hanya mendapat satu pertiga daripada ummah dan satu pertiga daripada negara Islam untuk bertindak bersama, kita telah boleh melakukan sesuatu," katanya.

Perdana Menteri berkata keseluruhan masyarakat Islam hari ini dilayan dengan penuh kebencian dan mengaibkan.

"Agama kita dipandang hina. Tempat-tempat suci kita dicemari. Negara kita dicerobohi. Rakyat kita menghadapi kebuluran dan dibunuh.

"Tiada satu pun negara kita yang benar-benar merdeka. Kita ditekan

untuk mematuhi kehendak penindas kita mengenai bagaimana kita patut berkelakuan, bagaimana kita patut memerintah negara kita, malah bagaimana kita harus berfikir.

"Hari ini, jika mereka mahu menyerang negara kita, membunuh rakyat kita, memusnahkan kampung dan bandar kita, tidak banyak yang kita boleh lakukan.

"Adakah Islam yang menyebabkan semua ini? Atau adakah kerana kita telah gagal menjalankan tanggungjawab kita mengikut ajaran agama kita?" soal beliau.

"Satu-satunya reaksi kita ialah dengan menjadi semakin marah. Orang yang marah tidak boleh berfikir dengan betul.

"Dengan itu kita dapati ada di kalangan rakyat kita yang bertindak secara tidak rasional. Mereka melancarkan serangan mereka sendiri, membunuh sesiapa sahaja termasuk orang Islam untuk melepaskan kemarahan dan kekecewaan mereka.

"Kerajaan mereka tidak boleh berbuat apa-apa untuk menghalang mereka. Musuh bertindak balas dan memberikan lebih banyak tekanan kepada pemerintah mereka.

"Dan kerajajaan-kerajaan ini tiada pilihan lain kecuali mengalah, untuk menerima arahan yang diberikan musuh, secara langsungnya menyerahkan kebebasan mereka untuk bertindak.

"Dengan ini rakyat mereka dan ummah menjadi bertambah marah dan berpaling untuk menentang kerajaan mereka sendiri.

"Setiap usaha ke arah satu penyelesaian damai disabotaj dengan lebih banyak serangan rambang yang bertujuan membangkitkan kemarahan musuh dan menghalang sebarang usaha penyelesaian.

"Tetapi serangan seumpama itu tidak menyelesaikan apa-apa. Malah umat Islam semakin ditindas.

Dr Mahathir bertanya sama ada benar umat Islam tidak berupaya berbuat apa-apa untuk diri mereka atau menggunakan kuasa bagi melepaskan diri daripada dimalukan dan penindasan yang dilakukan terhadap mereka oleh musuh yang begitu kecil bilangannya.

"Bolehkan mereka membalas balik dengan kemarahan membuta tuli? Adakah tiada cara lain selain meminta orang muda kita meletupkan diri mereka dan membunuh orang lain, dan membuka peluang bagi lebih ramai rakyat kita pula dibunuh?" soal beliau.

Dr Mahathir berkata negara-negara Islam perlu membina kekuatan mereka dalam setiap bidang, bukan hanya daripada segi kekuatan senjata.

"Negara kita perlu stabil dan ditabdir dengan baik, perlu kuat dari segi ekonomi dan kewangan, berdaya saing dalam perindustrian dan maju dalam teknologi.

"Ini akan mengambil masa, tetapi ia boleh dilakukan dan masa yang diambil akan membuahkan hasil. Kita dituntut oleh agama kita supaya bersabar," katanya.

Beliau berkata pertahanan ummah tidak semestinya bermula hanya selepas negara mereka berada dalam keadaan baik.

"Malah hari ini kita mempunyai aset yang cukup untuk digunakan terhadap musuh-musuh kita. Apa yang perlu ialah kita mengenalpastinya dan mencari jalan bagaimana menggunakannya bagi menghentikan pembunuhan beramai-ramai yang dilakukan oleh musuh.

"Semua ini sebenarnya tidak mustahil jika kita mengambil kesempatan untuk berfikir, merancang, merangka strategi dan mengambil beberapa langkah permulaan yang kritikal. Beberapa langkah ini sudah cukup untuk membuahkan hasil.

Beliau berkata negara Islam dituntut oleh agama supaya melengkapkan diri bagi mempertahankan ummah.

"Malangnya kita tidak memberi penekanan kepada pertahanan tetapi

persenjataan pada zaman Nabi. Senjata-senjata itu dan kuda (tunggangan) tidak lagi dapat mempertahankan kita.

"Kita perlukan senjata dan roket, bom dan pesawat pejuang, kereta kebal dan kapal perang bagi pertahanan kita.

"Tetapi oleh kerana kita tidak menggalakkan pembelajaran sains dan matematik dan sebagainya kerana ia tidak memberikan ganjaran di akhirat, hari ini kita tidak mempunyai kapasiti untuk mengeluarkan senjata sendiri bagi pertahanan kita.

"Kita terpaksa membeli senjata daripada pengkritik dan musuh kita," katanya.

Sidang Kemuncak ini bertemakan "Ilmu Pengetahuan dan Akhlak Asas Kemajuan Ummah".

Dr Mahathir berkata selain daripada sebahagian perpaduan yang mereka perlukan, negara-negara Islam juga perlu memanfaatkan aset mereka.

"Kita juga tahu bahawa tidak semua orang bukan Islam menentang kita. Sesetengahnya bersimpati dengan kita.

"Malahan sesetengah daripada mereka menganggap musuh kita sebagai musuh mereka. Di kalangan orang Yahudi sendiri pun, ramai yang tidak bersetuju dengan apa yang dilakukan oleh Israel," katanya.

"Kita tidak boleh membangkitkan kemarahan semua orang. Kita perlu memenangi hati dan perasaan mereka.

"Kita perlu menawan hati mereka agar memihak kepada kita tetapi bukan dengan cara merayu bantuan daripada mereka sebaliknya dengan cara terhormat iaitu berjuang untuk membantu diri sendiri.

"Kita tidak harus memperkuatkan musuh dengan memaksa semua orang memihak kepada mereka melalui tindakan yang tidak bertanggungjawab dan tidak mengikut ajaran Islam."

Sambil mengingatkan para pemimpin mengenai sikap timbang rasa yang ditunjukkan oleh Nabi Muhammad s.a.w terhadap musuh-musuh Islam, beliau berkata mereka juga patut berbuat demikian.

"Yang penting ialah memenangi perjuangan, bukan bertindak balas sebagai tanda marah, bukan membalas dendam," katanya.

-- BERNAMA

MKO AZZ RHM RON